

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IX)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

9. Isu gelandangan.
- (a) Apakah perancangan atau hala tuju Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu gelandangan yang semakin serius?
  - (b) Apakah garis panduan atau *Standard Operating Procedure* Kerajaan Negeri untuk mengendalikan gelandangan?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius mengenai isu gelandangan dan telah pun merangka beberapa langkah bagi mengatasi perkara ini. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) Merancang untuk membina sebuah pusat transit gelandangan di Lot 19, Jalan C.Y. Choy, George Town. Bangunan ini adalah bangunan rumah kedai dua tingkat milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Program ini akan menempatkan gelandangan di pusat transit tersebut selama 6 hingga 12 bulan. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadang diuruskan oleh pihak Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.

Sepanjang tempoh tersebut, gelandangan akan diberi latihan yang bersesuaian dengan kemampuan dan minat mereka. Pekerja sosial atau sukarelawan daripada NGO akan menjadi tenaga penggerak dalam program ini. Seterusnya, kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta akan dipertingkatkan dengan menggalakkan pihak majikan mengambil golongan ini sebagai pekerja mereka.

Manakala, bagi gelandangan yang tidak produktif seperti warga emas, atau pun mereka yang mempunyai penyakit berjangkit, mereka akan ditempatkan di pusat-pusat yang dikendalikan oleh NGO yang sedia ada secara kekal sekiranya mereka ini sebatang kara ataupun saudara mara dan anak-anak mereka tidak dapat dikesan. Kerajaan Negeri akan memberikan geran pentadbiran dan rangsum kepada NGO yang berkaitan.

Buat sementara waktu, gelandangan akan ditempatkan di Anjung Singgah Pulau Pinang iaitu pusat transit gelandangan milik Kerajaan Persekutuan di Lot No.53, Lebuhr Chulia, Pulau Pinang yang beroperasi sejak 9 Jun 2014. Anjung Singgah juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, NGO dan swasta bagi memberi penempatan dan perlindungan kepada gelandangan.

- (ii) Selain itu, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) juga sedang membangunkan sistem *profiling* gelandangan dan telah memilih Pulau Pinang sebagai *pilot project*. Sistem ini akan merekodkan maklumat-maklumat berkaitan gelandangan yang diselamatkan melalui aplikasi telefon pintar atau komputer dan membantu pegawai penguatkuasa mengenal pasti gelandangan sama ada kes baharu atau berulang. Dengan adanya sistem *profiling* ini, ianya dapat membantu agensi kerajaan yang berkaitan dalam merangka strategi yang bersesuaian untuk membantu golongan gelandangan.

- (iii) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, sebanyak 242 operasi menyelamatkan gelandangan telah dilakukan oleh JKM Negeri Pulau Pinang melibatkan operasi secara berkala sebanyak 78 kali, operasi bersepadu sebanyak 24 kali ataupun secara aduan sebanyak 140 kali. Gelandangan berumur 60 tahun ke atas yang diselamatkan akan ditempatkan di Rumah Seri Kenangan (Bedong, Taiping, Tanjung Rambutan atau Kangar) manakala yang berumur 60 tahun ke bawah akan ditempatkan di Desa Bina Diri (Mersing atau Jerantut). Terdapat juga gelandangan yang ditempatkan di pusat jagaan NGO sekitar Pulau Pinang.
  - (iv) Meneruskan kempen sedia ada iaitu "Bijak Membantu, Elak Tertipu" yang dilancarkan pada 27 November 2017 bagi mendidik masyarakat berkaitan isu gelandangan melalui pengiklanan di *billboard* di sekitar KOMTAR. Kempen ini juga dilakukan di beberapa pusat membeli-belah seperti Pasaraya Mydin, Tesco, Stesen Keretapi Butterworth, Terminal Feri Pulau Pinang, Padang Kota, sekitar masjid-masjid, pasar-pasar malam dan program-program jabatan seperti Program Kembara Kebajikan.
  - (v) Mengadakan program advokasi yang berterusan kepada jabatan kerajaan, pihak swasta, NGO, institut pengajian tinggi dan orang ramai berkenaan isu gelandangan
  - (vi) Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama agensi kerajaan dan swasta bagi membincang dan menyelesaikan isu-isu berbangkit mengenai isu gelandangan. Setakat ini, JKM telah mengadakan sebanyak lima kali mesyuarat penyelarasan di peringkat daerah dan dua kali di peringkat negeri.
- (b) Kerajaan Negeri melalui JKM menjalankan operasi menyelamatkan berdasarkan Akta Orang Papa 1977 dan *Standard Operation Procedure* (SOP) JKM yang mensasarkan golongan orang papa dan pengemis

